


KANSER YANG BOLEH DISEBABKAN OLEH JANGKITAN HPV

- HPV boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu **HPV berisiko tinggi** dan **HPV berisiko rendah**
- Subjenis **HPV berisiko rendah** boleh menyebabkan ketuat di kulit
- Subjenis **HPV berisiko tinggi** boleh menyebabkan beberapa jenis kanser seperti di bawah:



Jenis-jenis kanser yang disebabkan oleh jangkitan HPV

VAKSIN HPV BOLEH MENCEGAH KANSER YANG DIKAITKAN DENGAN HPV

Rujukan: Melos E, Gee J, Unger E, Markowitz L. Human Papillomavirus [Internet]. Centers for Disease Control and Prevention; 2021. Available from: <https://www.cdc.gov/vaccines/imz/books/html/hpv/>

Apakah yang NCSM lakukan untuk melawan kanser?

MENDIDIK

Pendidikan Kesihatan | Literasi Kesihatan | Promosi Kesihatan | Polisi Kesihatan dan Advokasi | Penyelidikan | Program Internship | Program Sukarelawan | Pemeraksanaan Komuniti

MERAWAT

Klinik-Klinik Saringan Kanser dan Kesihatan | Pusat Diagnostik dan Pengimejan Kanser | Pusat Perubatan Nuklear | Program Kesihatan dan Saringan Komuniti | Program Akses Perubatan Pesakit

MENYOKONG

Perkhidmatan Sokongan Psikososial (Psikologi Klinikal, Psikoterapi Kanak-Kanak dan Dewasa, Kaunseling, Dietetik) | Perkhidmatan Maklumat Kanser | Program Navigasi Pesakit | Pusat Sumber dan Kesejahteraan Pemandiri Kanser | Rumah Harapan Kanak-Kanak | Rumah Harapan Dewasa



National Cancer Society Malaysia
 nationalcancersocietymy

 ncsmalaysia


Untuk maklumat lanjut, sila hubungi

1800 88 1000


hpv@cancer.org.my
hpv.cancer.org.my



HPV DAN KANSER



KANSER SERVIKS ADALAH SALAH SATU KANSER YANG DISEBABKAN OLEH JANGKITAN HUMAN PAPILLOMAVIRUS (HPV)



APAKAH ITU SERVIKS (PANGKAL RAHIM)?¹

- Organ sistem pembiakan wanita
- Menghubungkan bahagian bawah rahim dengan faraj (saluran kelahiran)


APAKAH ITU KANSER SERVIKS?²

- Kanser serviks (pangkal rahim) terjadi apabila sel-sel dalam serviks membesar tanpa kawalan dan mula berubah dengan cara yang tidak normal

TAHUKAH ANDA?

KANSER SERVIKS ADALAH KANSER **KE-3** PALING KERAP DALAM KALANGAN WANITA DI MALAYSIA

PERATUSAN KES KANSER SERVIKS YANG DIKESAN MENGIKUT PERINGKAT DIDIAGNOSIS DI MALAYSIA¹



41% DIKESAN PADA PERINGKAT LEWAT (PERINGKAT III DAN IV)

MENGAPAKAH PESAKIT DIDIAGNOSIS PADA PERINGKAT YANG LEWAT?^{2,3}



Kurang pengetahuan mengenai suntikan vaksin HPV



Malu untuk melakukan ujian saringan kanser serviks



Bimbang dengan tahap keselamatan suntikan vaksin dan ujian saringan




Tidak menunjukkan sebarang gejala

- ✓ SUNTIKAN VAKSIN
- ✓ UJIAN SARINGAN
- ✓ PEMERIKSAAN AWAL

=

SEBANYAK **93%** KES KANSER SERVIKS BOLEH DICEGAH MELALUI KAEDAH-KAEDAH INI⁴

HPV DAN KANSER SERVIKS



Lebih daripada

95%

kes kanser serviks disebabkan oleh jangkitan HPV¹

Jangkitan HPV kronik yang berterusan boleh menyebabkan perubahan abnormal dalam sel-sel serviks dan boleh menjadi kanser serviks jika tidak dirawat.

90%

kes-kes yang disebabkan oleh jangkitan HPV (termasuk kanser serviks) boleh dicegah melalui vaksin HPV²



MENCEGAH LEBIH BAIK DARIPADA MERAWAT. DAPATKAN SUNTIKAN VAKSIN ANDA HARI INI!